

Gerakan berikrar sokong kerajaan pimpinan Mahathir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PORT DICKSON, Ahad — Parti Gerakan malam ini berikrar menyokong pentadbiran baru kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam usahanya melahirkan sebuah negara dinamis dan menyertu masyarakat Cina memberikan sokongan penuh mereka.

Timbalan Presiden-nya, Datuk Paul Leong, berkata dengan sokongan itu beliau yakin rakyat semua kaum akan mempunyai masa depan yang lebih cerah.

Berucap di majlis jamuan makan malam parti itu di Bukit Pelanduk dekat sini, beliau berkata sejak Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam mengambil alih pucuk pimpinan negara, satu aliran ke arah pencapaian masa depan lebih baik bagi semua rakyat Malaysia telah diasaskan.

Katanya, pentadbiran baru di bawah kedua-dua pemimpin itu telah menunjukkan kesungguhan membentuk satu perkhidmatan awam yang cekap, bersih dan lalin untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Tumpuan

Pentadbiran baru itu juga telah memberi jaminan tidak ada masyarakat akan dikesampingkan dalam usah-usahanya membangunkan negara.

Datuk Paul Leong yang juga Menteri Perusahaan utama berkata pentadbiran baru itu juga telah menasihatkan parti-parti politik mengurangkan tumpuan terhadap politik perk-auman dan sebaliknya menumpukan segala tenaga mereka terhadap pembangunan negara.

Katanya, Gerakan menyokong penuh segala langkah itu kerana ia sejajar dengan perjuangannya selama ini.

Beliau menggesa cawangan-cawangan Gerakan membentuk pusat-pusat perkhidmatan untuk menyalurkan masalah yang dihadapi oleh rakyat kepada pihak-pihak berkuasa.